

04 SEP 2000

MAHATHIR-AFTA/I

AFTA BERI MANFAAT KPD MALAYSIA DAN NEGARA ASEAN LAIN

Oleh: Mohamed Kamel Othman

CHICAGO, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) pada 2003 akan memberi manfaat kepada Malaysia dan negara-negara lain dalam perkumpulan itu kerana ia akan membuka pasaran.

Lebih baik bagi Malaysia untuk mempunyai pasaran lebih besar bagi barangan perkilangannya daripada terbatas kepada 22 juta penduduk negara, katanya dalam sesi dialog dengan pelajar-pelajar Malaysia di Radisson Hotel O'Hare di Rosemont, pada Ahad.

"Jika kita hanya menumpukan pasaran di Malaysia sahaja, kita bimbang kita tidak akan memperolehi pulangan daripada pelaburan yang dibuat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Malaysia bersiap sedia untuk membuka pasarannya apabila AFTA dilaksanakan kelak kerana ia akan menghasilkan pasaran yang lebih besar bagi rantau Asean.

Beliau berkata ketika itu "kita akan dapat bersaing dengan yang lain."

Asean dianggotai oleh Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata negara memerlukan kepakaran untuk menguasai semua aspek teknikal bagi menghasilkan barangan yang berkembang perlahan-lahan dalam perniagaan moden.

Perdana Menteri menasihatkan pelajar-pelajar Malaysia supaya tekun belajar agar mereka berada di kedudukan lebih baik dan apa juga yang dihasilkan oleh negara akan menjadi lebih kompetitif berbanding negara-negara jiran.

-- BERNAMA

MKO FR ZK MA